

Pelaburan langsung domestik tidak terjejas

Pelaburan langsung domestik (DDI) dalam sektor pembuatan dijangka tidak terkesan meskipun dominasi modal asing dalam pegangan ekuiti syarikat perkilangan baharu, demikian kata penganalisis.

Malah, dengan pelancaran Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 minggu lalu juga akan menjadi pemangkin kepada sektor pembuatan negara dengan diunjurkan mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (CAGR) sebanyak 6.5 peratus dari 2022 hingga 2030.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata tidak semestinya pegangan ekuiti menjadi satu-satunya faktor penentu atau

sandaran untuk meningkatkan sektor industri baharu di Malaysia.

Beliau berkata, apa yang lebih penting harus dilakukan oleh pelabur asing ialah pemindahan teknologi dan pengetahuan kepada rakyat dan industri tempatan serta penyediaan pekerjaan berkemahiran tinggi yang menjanjikan gaji lebih kompetitif kepada rakyat tempatan.

“Pada masa yang sama industri tempatan dapat dibantu untuk mampu memasarkan barangan ke peringkat global dalam industri teknologi baharu, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai negara pengeluar dan bukan negara pengguna,” katanya kepada *BH*.

Beliau berkata demikian bagi

mengulas kebimbangan sesetengah pihak bahawa NIMP 2030 bakal menyebabkan modal asing mendominasi pegangan ekuiti tempatan dengan mengambil contoh Tesla.

Sementara itu, Ketua Ahli Ekonomi dan Kewangan Sosial, Muamalat Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata kebimbangan mengenai dominasi pegangan ekuiti tempatan oleh modal asing sentiasa diutarakan.

Namun, beliau berkata, untuk maju, Malaysia perlu bersaing dan memasuki pasaran luar.

Dalam hal ini, katanya, perjanjian perdagangan seperti Perjanjian Komprehensif dan Progresif untuk Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), Perjanjian Per-

kongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan sebagainya boleh menjadi batu loncatan untuk peniaga dan syarikat membina kapasiti mereka bagi menjadi lebih berdaya saing.

“Apabila kita lebih berdaya saing, maka perniagaan dapat menawarkan barang dan perkhidmatan yang lebih berkualiti serta menarik pekerja yang berkemahiran tinggi.

“Namun, apa yang perlu dipastikan, program pembinaan kapasiti perlu dilaksanakan terutama bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) supaya mereka boleh menembusi pasaran luar serta menjadikan perniagaan mereka mempunyai pertalian yang rapat dengan rantaian perniagaan pada

peringkat global dan tempatan,” katanya.

Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, dalam hantaran di media sosialnya juga menegaskan bahawa kepentingan domestik sentiasa dilindungi, malah DDI sentiasa mendominasi pelaburan yang diluluskan meskipun dasar liberalisasi dilaksanakan.

Beliau berkata, DDI sentiasa mendominasi pelaburan yang diluluskan dengan memperlihatkan dalam tempoh 2012 hingga 2021, DDI yang diluluskan adalah sebanyak RM1.3 trilion atau 64 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan.